

GARIS PANDUAN UNTUK MEMPERBADANKAN SYARIKAT TEMPATAN DI BAWAH SEKSYEN 14 AKTA SYARIKAT 2016

Syarikat Berhad menurut syer boleh diperbadankan sebagai syarikat persendirian (Sendirian Berhad atau Sdn. Bhd.) atau syarikat awam (Berhad atau Bhd.). Pemerbadanan syarikat boleh dilakukan oleh individu yang berhasrat untuk menubuhkan sebuah syarikat. Keperluan asas untuk memperbadankan syarikat adalah seperti berikut:

a) Syarikat Persendirian

- Sekurang-kurangnya seorang pengarah yang biasanya menetap di Malaysia dan mempunyai tempat kediaman utama di Malaysia.

b) Syarikat Awam

- Sekurang-kurangnya dua orang pengarah yang biasanya menetap di Malaysia dan mempunyai tempat kediaman utama di Malaysia.

Sila rujuk

https://www.ssm.com.my/bm/Pages/Register_Business_Company_LLP/Company/Submitting-Incorporation-Company.aspx

PROSEDUR PEMERBADANAN SYARIKAT TEMPATAN

Permohonan untuk memperbadankan syarikat boleh dilakukan secara dalam talian melalui portal MyCoID 2016, melalui salah satu daripada kaedah berikut:

- i. Pemerbadanan Terus (*Direct Incorporation*) – P e m o h o n perlu melengkapkan maklumat permohonan nama dan pemerbadanan syarikat secara dalam talian. Bayaran fi pemerbadanan adalah sebanyak RM1,000

- ii. Penempahan nama (*name reservation*) – Pemohon perlu mengemukakan permohonan di bawah Seksyen 27(1) & (4) Akta Syarikat 2016 (AS 2016) '*availability of company's name*' melalui sistem. Pemohon perlu melengkapkan maklumat bagi nama syarikat dan fi adalah RM50 bagi setiap nama yang dimohon. Setelah diluluskan dan dalam tempoh masa rizab nama, pemohon boleh meneruskan pemerbadanan syarikat. Bayaran fi adalah RM1,000.

MAKLUMAT PENTING

- Syarikat perlu melantik setiausaha syarikat dalam tempoh 30 hari selepas pemerbadanan syarikat. Setiausaha syarikat hendaklah berdaftar dengan SSM dan memiliki sijil amalan setiausaha syarikat yang sah.
- Selepas diperbadankan, syarikat dinasihatkan untuk terlebih dahulu untuk mendapatkan lesen/permit/kebenaran daripada pihak berkuasa berkaitan sebelum menjalankan perniagaan seperti yang dinyatakan semasa pemerbadanan syarikat.

PIAGAM PELANGGAN

Satu hari bekerja selepas serah simpan permohonan lengkap dengan bayaran fi.

VERIFIKASI PERMOHONAN

Apabila Pendaftar berpuas hati bahawa maklumat yang dikemukakan adalah lengkap dan mematuhi prosedur yang ditetapkan, pemohon akan diberikan notifikasi melalui sistem dan emel mengenai:

- Notis pendaftaran
- Surat kelulusan.